

Buka peluang kepada penduduk dapat rawatan kesihatan pada kadar berpatutan

RM4.9j wujud klinik pakar di Nilai

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 21 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganggarkan perbelanjaan sebanyak RM4.9 juta bagi tujuan mewujudkan sebuah klinik pakar di Nilai, dekat sini.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, penubuhan klinik pakar berkenaan bertujuan membuka peluang kepada umum khususnya penduduk sekitar mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti pada kadar berpatutan.

"USIM telah membeli tanah seluas 25.1 hektar berhampiran kampus induk bagi menempatkan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPG) sekali gus menjadi hospital pengajar universiti kelak.

"Namun sebelum menunggu pembinaan hospital pengajar ini, penubuhan klinik pakar ini adalah medium yang akan dirintis terlebih dahulu oleh universiti untuk dilaksanakan berasaskan kejayaan penubuhan Klinik Pergigian di Pandan Indah yang diuruskan oleh Fpg," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini ba-



ru-baru ini.

Jelas Asma, klinik tersebut bakal menyediakan rawatan perubatan termasuk pergigian di bawah satu bumbung.

"Tenaga pakar adalah daripada kalangan pensyarah bertauliah dan pihak kami berharap kewujudan kemudahan ini secara tidak langsung akan membawa manfaat kepada masyarakat.

"Sebaik sahaja beroperasi, klinik ini akan menjana kewangan kepada universiti dan memberi peluang kepada pensyarah beramal melalui ilmu perubatan mereka," katanya.

Tambahnya, sebagai persediaan awal, USIM telah mengadakan kajian pasaran, penyediaan pelan perniagaan komprehensif serta mengenal pasti lokasi strategik bagi menempatkan klinik.

"Anggaran kos awal bagi merea-

Tenaga pakar adalah daripada kalangan pensyarah bertauliah dan pihak kami berharap kewujudan kemudahan ini secara tidak langsung akan membawa manfaat kepada masyarakat

ASMA ISMAIL
Naib Canselor USIM

lisasikan penubuhan klinik ini adalah sekitar RM4.9 juta merangkumi kos pembelian premis, penyediaan peralatan rawatan berteknologi tinggi, ubat-ubatan dan kos operasi yang lain.

"Dana ini akan dijana melalui Pembiayaan Kewangan Wakaf dan kerjasama antara pemain industri sekitar Nilai. Siri perbincangan dengan rakan industri yang berpotensi telah dimulakan dan respons awal yang diterima pengurusan universiti amat positif," katanya.



ASMA Ismail (kanan) menyampalkan cenderamata kepada Pengerusi Nilai Resources, Tan Sri Dr. Gan Kong Seng selepas menghadiri perbincangan berhubung penubuhan klinik pakar di USIM, dekat Seremban, baru-baru ini.